

PEMANGGILAN SEMULA (*PRODUCT RECALL*)

Pemanggilan Semula atau *Product Recall* secara umumnya merupakan suatu aktiviti bagi memanggil semula sejumlah produk oleh pihak pengeluar apabila terdapat penemuan isu keselamatan atau kecacatan kepada produk tersebut yang mungkin meningkatkan risiko keselamatan kepada pengguna.

Dalam industri automotif, terma *Product Recall* merujuk kepada aktiviti Pemanggilan Semula yang dilakukan oleh pihak pengeluar kenderaan apabila terdapat penemuan isu keselamatan atau kecacatan kepada komponen / sistem kenderaan yang mungkin meningkatkan risiko keselamatan kepada pemandu, penumpang mahupun kepada pengguna jalan raya yang lain.

Di Malaysia, aktiviti *Product Recall* yang dilaksanakan oleh pihak pengeluar kenderaan perlu di maklumkan secara bertulis kepada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai pihak berkuasa berdasarkan kepada punca kuasa Seksyen 66 (1)(pp) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang akan memantau dan merekodkan setiap permohonan dan perkembangan status semasa aktiviti tersebut sehingga ia selesai.

Sebarang aktiviti *Product Recall* di pihak prinsipal pengeluar kenderaan yang berpusat di luar Negara yang melibatkan model kenderaan yang berada di Malaysia juga perlu dimaklumkan kepada JPJ melalui wakil pengeluar / pengedar kenderaan tersebut yang berpusat di Malaysia. Ini bagi memastikan model kenderaan tersebut melalui aktiviti yang sama (*Product Recall*) di dalam Negara.

Mekanisma pelaksanaan *Product Recall* memerlukan pihak pengeluar kenderaan untuk menghebahkan aktiviti tersebut melalui media massa seperti laman web, laman sosial, suratkhbar selain daripada menghubungi sendiri pemilik kenderaan yang terlibat melalui panggilan telefon, mesej pesanan ringkas (sms), surat panggilan rasmi dan sebagainya.

Pemilik kenderaan terlibat yang telah mendapat notifikasi tersebut pula hendaklah memberikan kerjasama sepenuhnya dengan menghantar kenderaan mereka ke pusat-pusat servis bertauliah yang berdekatan bagi mendapatkan khidmat dan alat ganti secara percuma.

Tindakan untuk mengabaikan notifikasi tersebut akan meningkatkan risiko keselamatan kerana komponen kenderaan yang sepatutnya diganti itu berkemungkinan tidak dapat berfungsi dengan baik, malah mungkin akan menyebabkan kerosakan kepada komponen lain pula dan seterusnya boleh meningkatkan risiko seperti kenderaan hilang kawalan, kemalangan dan sebagainya.

Bagi tahun 2021, model-model kenderaan yang terlibat dalam kempen *Product Recall* yang direkodkan oleh JPJ adalah seperti berikut:

Buatan	Model	Tahun buatan	Pautan web / Telefon
Toyota	Hilux Fortuner	2018 - 2021	https://toyota.com.my/aftersales-services/special-service-campaigns
	Avanza	2017 - 2019	
	Innova	2020 - 2021	
	GR Supra	2019 - 2021	
Boon Siew Honda	CRF 1000	2018 - 2019	https://boonsiewhonda.com.my/en/product-updates/
	CRF1100	2020	
	CRF1100	2019	
	ADV750LM	2021	
	CB500FAK	2019 - 2020	
	CB500XAK		
	CBR500RAK		
Suzuki	V-Strom 650 GSX-S750 GSX-R1000	2016 - 2018	https://www.suzuki.com.my/events/categories/recall-2021
	Address Nex110	2015 - 2018	
	GSX- R1000R GSX- R1000RZ	2017 - 2019	
	Address	2014 - 2019	
Yamaha	MT09 Tracer GT	2019 - 2020	https://www.yamaha-motor.com.my/tracer900gtrecallcampaign/
Nissan	X-Trail Hybrid 2.0L CVT	2018 - 2021	https://servicecampaign.nissan.com.my/
Subaru	Forester	2019 - 2020	https://www.subaru.asia/my/en/owners/subaru-service.php
	XV	2017 - 2019	

Buatan	Model	Tahun buatan	Pautan web / Telefon
Mercedes Benz	GLC-Class (253 platform)	2016 - 2020	https://www.mercedes-benz.com.my/passengercars/being-an-owner/customer-care-centre/stage.module.html
	C-Class (205 platform)	2014 - 2019	
	AMG GT 4doors Coupe (290 platform)	2018 - 2020	
	E-Class (213 platform)	2017 - 2020	
	AMG GT (290 platform)		
	GLB (247 platform)	2019 - 2020	
	CLA (117 platform)	2016 - 2017	
	A Class (176 platform)	2016 - 2017	
	Actros model 964	2019	
	A Class	2016 - 2021	
	G Class		
	GLA		
	GLB		
	GLC		
Mercedes Benz	GLE	2016 - 2021	
	B Class		
	C Class		
	E Class		
	S Class		
	Maybach		
	AMG GT		
	CLA		
	CLS		
	SLC		
	G Class (463 platform)	2017 - 2021	
	S Class (223 platform)	2020 - 2021	
	CLA (118 platform)	2020	

Buatan	Model	Tahun buatan	Pautan web / Telefon
Honda	Accord	2003 - 2019	https://productrecall.honda.com.my/
	Civic	2003 - 2019	
	BRV	2018 - 2020	
	City	2003 - 2019	
	City Hybrid	2019	
	HRV	2018	
	HRV Hybrid	2018	
	CR-V	2002 - 2020	
	Jazz	2003 - 2020	
	Jazz Hybrid	2019 - 2020	
	Insight	2011 - 2012	
	Stream	2003 -2012	
Kawasaki	Ninja H2 SX SE	2018	https://www.kawasaki.com.my/index.php?cat=961&page=2245

Manakala **bagi tahun 2022**, model-model kenderaan yang terlibat dalam kempen *Product Recall* yang direkodkan oleh JPJ adalah seperti berikut:

Buatan	Model	Tahun buatan	Pautan web / Telefon
Mazda	RX8 (FE)	2008 - 2012	https://mazda.com.my/mazda-recall-information-centre
	CX-30 (DM)	2019 - 2020	
Suzuki	Kizashi	2012 - 2015	1800 888 398
Mercedes	S-Class (233 platform)	2020 - 2021	https://www.mercedes-benz.com.my/passengercars/being-an-owner/customer-care-centre/stage.module.html
	C-Class (206 platform)	2019 - 2022	
	C-CLASS (205 platform)	2017 - 2019	
	AMG GT Black Series	2019 - 2021	
	G-Class (463 platform)	2017 - 2021	
	S-Class (206 platform)	2021 - 2022	
	C-Class (223 platform)	2018 - 2022	
	GLE & GLS (167 platform)	2018-2022	
	ML, GL (164 platform)	2004 - 2015	
	R Class (251 platform)	2004 - 2015	
	GLB (247 platform)	2021	
	AMG CLS 53 4MATIC (257 platform)	2015 - 2022	
	AMG E 53 4MATIC (213 platform)		
	AMG E 53 4MATIC (238 platform)		
AMG GT 43 4MATIC (290 platform)			
Toyota	GR Yaris	2020 - 2021	https://www.toyota.com.my/en/servicing-and-support/special-service-campaigns.html
	Harrier	2021	
Yamaha	MT09	2021 - 2022	https://www.yamaha-motor.com.my/?lang=ms
	MT09 Tracer GT		

Buatan	Model	Tahun buatan	Pautan web / Telefon
Nissan	NV200 1.6L Panel Van	2011 - 2021	https://servicecampaign.nissan.com.my/
Chevrolet	Cruze	2010 - 2015	https://chevroletkatatarecallmy.com/
	Orlando	2013 - 2015	
	Saab 9-3	2007	
	Sinic	2013 - 2014	
	Trax	2017	
Honda	City 4Dr/5Dr	2021-2022	https://productrecall.honda.com.my/
	BR-V	2021	
	HR-V	2022	
	City 4Dr-Hybrid	2021	
	Civic	2022	
Kia	Sportage (QL)	2015 - 2020	https://kiamalaysia.com.my/kia/recall.html
	Carnival / Sedona(YP)	2016 - 2019	
Lexus	NX	2021 - 2022	https://www.toyota.com.my/en/servicing-and-support/special-service-campaigns.html
Honda	GL1800D	2021 - 2022	https://boonsiewhonda.com.my/en/product-updates/
	CBR1000SP	2019	
	CRF1100DL4	2019 - 2020	
	ADV750LM	2021 - 2022	
Subaru	WRX (CBU)	2015 - 2021	03-79681212 03-79562288
	Levorg (CBU)	2015 - 2018	
	Outback (CBU)	2015 - 2018	
	XV (CKD)	2017 - 2019	

Bagi tahun terkini iaitu sehingga April 2023, model-model kenderaan yang terlibat dalam kempen *Product Recall* yang direkodkan oleh JPJ adalah seperti berikut:

Buatan	Model	Tahun buatan	Pautan web / Telefon
Mercedes	C-Class, CLC (203 Platform)	2001 - 2011	https://www.mercedes-benz.com.my/passengercars/being-an-owner/customer-care-centre/stage.module.html
	CLK (209 Platform)		
	CLS (219) Platform)		
	E-Class (211 Platform)		
	CL-Class Coupe (203 Platform)		
	GLE/MI (166 Platform)	2011 - 2019	
	GLE Coupe (292 Platform)		
Audi	Q5 (8R)	2008 - 2017	https://www.audi.com.my/after-sales/service-and-maintenance/service-action
	A4 (8D)	1996 - 2001	
	TT (8N)	1998 - 2001	
	A5 (8T)	2010 - 2012	
	A6 (4B)	1996 - 2001	
	A8 (4D)		
	A6 (4F)	2005 - 2011	
	A4 (8E)	2005 - 2008	
	TT (FV)	2015 - 2017	
Suzuki	Hayabusa (GSX1300R)	2021 - 2023	https://www.suzuki.com.my/recall
Perodua	Ativa 1000 Turbo X (CVT)	2022 - 2023	1-800-88-6600
	Ativa 1000 Turbo H (CVT)		
	Ativa 1000 Turbo AV (CVT)		
	Alza 1500 X (CVT)		
	Alza 1500 X (CVT)		
	Alza 1500 X (CVT)		
Toyota	Veloz 1.5 AT		https://www.toyota.com.my/en/servicing-and-support/special-service-campaigns.html

Kempen *Product Recall* ini masih lagi berterusan dengan pihak pengeluar kenderaan masih aktif menghubungi pemilik kenderaan yang terlibat bagi tujuan penukaran komponen kenderaan secara percuma. Pautan laman / nombor pusat servis telah disediakan di hujung jadual di atas bagi memudahkan pemilik mengetahui sama ada kenderaan mereka terlibat dalam kempen ini.

Sehubungan itu, pemilik kenderaan seperti di atas yang masih belum menghantar kenderaan mereka untuk proses penggantian alat ganti secara percuma hendaklah bertindak segera kerana kelalaian anda boleh menyebabkan risiko keselamatan ke atas diri dan juga orang yang tersayang.